

22/11/2000

Keadilan, Bebas tidak boleh gugat BN di Lunas

PERTANDINGAN tiga penjuror bagi pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, Kedah jelas menampakkan kemenangan awal calon Barisan Nasional (BN), S Anthonysamy yang ditentang oleh calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Saifudin Nasution Ismail dan calon Bebas, N Letchumanan. Banyak faktor yang memberi kelebihan kepada calon BN selain perbalahan meruncing di kalangan parti pembangkang berikutan masalah ketidaksepakatan dalam memilih calon hingga menyebabkan ada kalangan pemimpin Keadilan mahu meletakkan jawatan. Perbalahan sesama sendiri parti pembangkang bukanlah gimik politik tetapi ia sebenarnya diibarat "retak yang menunggu belah". Kemarahan DAP kepada sikap pemimpin Keadilan yang hanya mementingkan partinya sendiri, bukanlah sesuatu yang dibuat-buat. Ketidakhadiran beberapa pemimpin kanan DAP di pusat penamaan calon kelmarin membuktikan, hati mereka terluka kerana ini bukanlah kali pertama mereka dipermainkan. Ini menunjukkan parti itu benar-benar mahu berkuasa walau dengan apa cara sekali pun.

Lunas adalah kawasan BN yang mana penduduknya sudah pun dapat menilai kemajuan yang dibawa kerajaan BN selama ini. Tidak ada sebab penduduk kawasan itu perlu 'menukar angin'. Tambahan pula mereka tahu, daripada beberapa tindakan parti pembangkang sebelum ini, ia hanya menimbulkan masalah ketenteraman negara. Isu sensitif yang sudah pun mula diketengahkan parti pembangkang dan berterusan sepanjang kempen nanti, jelas menunjukkan mereka langsung tidak memikirkan soal ketenteraman negara dan kesejahteraan rakyat. Memilih pembangkang bermakna rakyat merestui supaya generasi hari ini dan akan datang disemai dengan sifat memberontak tanpa sebarang alasan yang kukuh. Jika matlamat pembangkang meletakkan Saifudin semata-mata untuk memancing pengundi Melayu, sebenarnya perhitungan mereka adalah silap. Pengundi Melayu di kawasan itu selama-lamanya memilih BN kerana mereka yakin dengan kepemimpinan negara yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Walaupun pengundi Melayu adalah paling ramai iaitu 12,1012 (45.2 peratus) daripada 26,746 keseluruhan pengundi di kawasan itu, sebahagian besar mereka dikenal pasti penyokong BN terutama mereka yang menganggotai Umno. Pengundi Cina ialah seramai 9,212 (34.4 peratus), India 5,413 (20.2 peratus) dan kaum lain 19 atau (0.07 peratus). BN mendapat sokongan padu daripada dua kumpulan itu.

Dengan gabungan undi ketiga-tiga kaum terbesar ini, BN akan mendapat undi majoriti yang bertambah besar dalam pemilihan kali ini berbanding majoriti 4,700 undi yang dimenangi mendiang Dr Joe Fernandez dalam pilihan raya umum lalu setelah mengalahkan calon DAP dan dua calon bebas lain, termasuk Letchumanan yang mendapat hanya 87 undi. Dalam pilihan raya umum lalu juga, Saifudin sudah pun tumpas ditangan Lim Bee Kau bagi kerusi Parlimen Padang Serai Lim menang dengan kelebihan 9,372 undi. Lunas terletak dalam kawasan Parlimen Padang Serai. Ini bermakna setelah tewas di Parlimen, Saifuddin mencuba nasib pula bagi kerusi DUN.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna jentera BN tidak perlu bekerja keras. Ini kerana pembangkang akan menggunakan tipu helah untuk mempengaruhi pengundi. BN perlu memastikan setiap jentera mereka digerakkan di segenap ceruk di kawasan DUN Lunas dan mematahkan apa juga hujah pembangkang.

(END)